

LBS Jalin Kolaborasi dengan 26 Rakan Kongsi bagi Program “LBS Perks & Plusses”

Program Kesetiaan Pelanggan diberi Nafas Baharu

Petaling Jaya, 26 Ogos 2023 – Pemaju perumahan terkemuka, LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”) hari ini memperkenalkan inisiatif baharu yang dipertingkatkan dengan mengutamakan penglibatan pelanggan ke tahap yang lebih tinggi. Memperkenalkan Program Kesetiaan Pelanggan “**LBS Perks and Plusses**,” suatu konsep yang direka khusus untuk memberikan faedah dan ganjaran yang tiada tandingan dan berterusan kepada pembeli hartanah LBS.

Melalui program “**LBS Perks and Plusses**,” LBS berhasrat untuk merevolusikan pengalaman pemilikan rumah dengan memberikan faedah, kemudahan dan ganjaran menarik kepada para pelanggannya yang dihargai. Ganjaran ini termasuk pembelian awal di samping menekankan konsep penghargaan kepada setiap pelanggan di dalam proses pemilikan rumah mereka.

Antara keistimewaan “**LBS Perks and Plusses**” ialah, penglibatan rakan-rakan kongsi dari pelbagai industri yang menyatakan kesudian untuk berkolaborasi dan merealisasikan hasrat LBS untuk membawa program kesetiaan pelanggan ke tahap yang lebih tinggi. Setakat ini, LBS berpeluang untuk bekerjasama dengan 26 rakan kongsi yang ternama dan menawarkan variasi produk dan perkhidmatan seperti Acson, Brynton Hotel, Bright Empire Hotpot, Blanc Dental, Coway, Columbia Asia Hospital, D’Marina Marketing, Decathlon, Everybody Electrical, Gintell, Goodnite International, Hypergear, Hospital Mata Tun Hussein Onn, Kiddocare, Karang kraf, Lifecare, Mamee, Metroflex, M3 Mall, OMS Kitchen, Panama, Scapes Hotel, The Gigabit, Watsons, Perfect Companion dan ZUS Coffee.

Pengerusi Eksekutif LBS, Tan Sri Ir. Lim Hock San berkata, “Di LBS, kami memahami kepentingan kesetiaan pelanggan, dan dedikasi untuk mencapai kecemerlangan mendorong LBS untuk mencipta ruang kediaman yang luar biasa sambil meningkatkan gaya hidup. Dengan “**LBS Perks and Plusses**,” kami berusaha untuk mengukuhkan hubungan dengan pembeli rumah di samping menawarkan pelbagai kelebihan eksklusif dan insentif yang unik.”

“LBS beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan yang tiada bandingannya. Menerusi program ini, pelanggan setia LBS akan menerima pelbagai manfaat daripada saluran sokongan khusus untuk menangani pertanyaan dan persoalan dengan segera, mencerminkan komitmen kami untuk membina hubungan yang berkekalan dan menawarkan nilai hebat kepada mereka yang selama ini telah menyokong perjalanan kami”.

Sebagai tanda penghargaan, peserta program ini akan memperolehi pelbagai keistimewaan, program rujukan, rebat tunai untuk pembelian rumah kedua, keutamaan akses kepada pelancaran projek baharu, penyenggaraan hartanah eksklusif serta jemputan ke acara-acara berkaitan. Selain itu, pembeli rumah juga berpeluang untuk menyertai kempen LBS Fabulous Extra 2022-23, dengan hadiah menarik bernilai sehingga RM 1,500,000.

Tekad untuk mewujudkan penanda aras baharu dalam kepuasan pelanggan, cita-cita LBS adalah mudah tetapi mendalam, iaitu untuk membina hubungan jangka panjang dengan para pelanggan di samping menjamin perjalanan pembelian rumah mereka sebagai pengalaman yang luar biasa. Keahlian “**LBS Perks and Plusses**” merupakan pelengkap kepada mana-mana pembeli individu atau korporat yang telah membeli hartanah LBS dan anak-anak syarikatnya dengan harga pembelian minimum RM150,000*. Untuk maklumat lanjut dan cara untuk memanfaatkan program eksklusif ini, sila layari laman web “**LBS Perks and Plusses**” rasmi di <https://rewards.lbs.com.my/>.

-Tamat-